

'Saya tak mahu jawab pemimpin keliru'

BH-18/3/2007

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: "Saya tidak mahu menjawab kepada pemimpin yang keliru seperti Kayveas," kata Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik sebagai menjawab cabaran Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas yang meminta beliau meletakkan jawatan jika terbukti memutarbelitkan fakta mengenai pergolakan politik kedua-dua parti.

Katanya, beliau juga mengarahkan semua peringkat dalam parti Gerakan tidak bertindak balas dan menjawab sebarang perkara dibangkitkan Kayveas berhubung kedua-dua parti politik.

"Tiada sebab saya hendak menjawab beliau (Kayveas) semuanya sudah dijelaskan, satu persatu sebelum ini. Semuanya sudah dijawab, tetapi dia keliru dan kemukakan hujah yang lain. Apa gunanya, jawab menjawab lagi... itu semua tidak perlu.

"Saya juga sudah memberitahu semua peringkat dalam Gerakan supaya tidak perlu lagi bertindak balas kepada kenyataan Kayveas. Biarlah PPP boikot program kita, ... kalau nak boikot, boikot saja program anjuran Kayveas bukan parti PPP. Gerakan tidak perlu boikot PPP kerana ia parti komponen," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan, di sini, semalam.

Mesyuarat itu adalah terakhir dipengerusikan beliau yang akan bersara April ini selepas 26 tahun menjadi presiden parti.

Kelmarin, Kayveas mencabar Lim melepaskan jawatan menterinya, jika terbukti dia memutarbelitkan fakta mengenai pergolakan politik memabihkan Dr Lim dan kedua-dua parti berkenaan.

Kayveas juga menyatakan kesediaan melepaskan jawatan Timbalan



REDAKAN KONTROVERSI: Lim mengangkat tangan enggan mengulas kenyataan Kayveas selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan, semalam.

Menteri dan Presiden PPP, sekali gus berundur daripada arena politik, sekiranya ada bukti menunjukkan beliau cuba mengelirukan rakyat dengan mengemukakan bukti tidak berasas.

Dr Lim berkata, beliau mengakui pernah membuat kenyataan pada 14 April 1969 bahawa PPP akan lenyap dalam masa lima tahun, namun ketika itu PPP adalah parti pembangkang.

Katanya, kenyataan beliau dibuat kerana PPP pada ketika itu bukannya komponen Barisan Nasional (BN) dan beliau berhak membuat kenyataan sedemikian.

"Mengenai dakwaan kononnya

saya menyertai PPP, itu semua spekulasi dibuat media pada Mei 1973. Saya tidak pernah menyatakan hasrat mahu menyertai PPP, sebaliknya itu spekulasi media pada masa itu, saya sebaliknya menyertai Gerakan selepas keluar dari MCA," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan melepaskan jawatannya sebagai menteri, katanya, beliau tidak perlu melayan cabaran orang keliru.

"Apa mahu letak jawatan pula... saya sudah pun melepaskan jawatan Presiden Parti yang akan jadi kenyataan, bulan depan," katanya.

Mengulas dakwaan pergolakan po-

litik antara Gerakan dan PPP yang disebabkan kerusi Parlimen Taiping, katanya, perkara itu timbul pada pilihan raya umum 2004 apabila kerusi itu diberikan kepada PPP.

Ditanya sama ada Gerakan mahu kembali kerusi Parlimen Taiping, beliau berkata, Gerakan tidak pernah dan berminat untuk mendapatkan Taiping kembali.

"Gerakan sudah menyerahkan kerusi Parlimen Taiping yang lapan penggal berturut-turut menang pada pilihan raya sejak 1969. Apabila Perdana Menteri minta Gerakan berikan kepada PPP, kita akur dan berkorban melepaskan kawasan yang lapan penggal berturut-turut menang.

"Namun, pengorbanan kita tidak pun mendapat terima kasih Kayveas sebaliknya selepas diserahkan kita ditikam di belakang," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Lim berkata, Gerakan adalah parti stabil dan berdisiplin serta tidak mahu melayan dan menjawab persoalan mengenai kerusi Taiping.

"Kita parti berdisiplin, ada otak... tapi saya tak kata parti komponen lain tiada otak. Isu mengenai kerusi kita tidak tahu siapa yang dapat sehingga pilihan raya diumumkan.

"Penerangan lanjut mengenai kerusi Parlimen Taiping, sila rujuk kepada Pengerusi BN Perak. Saya tidak mahu menjawab, bertindak balas... ini hanya membazirkan masa saja, sebulan asyik menjawab persoalan yang keliru. Ini semua mengganggu tumpuan saya saja," katanya.

Ditanya kemungkinan ada perundingan kedua-dua parti berhubung pertikaian keduanya termasuk perbincangan meja bulat, katanya:

"Tidak perlu meja bulat, baru-baru ini sudah ada mesyuarat parti komponen BN, dia (Kayveas) diam saja tidak bangkitkan apa-apa pun dalam mesyuarat, kenapa lepas mesyuarat timbulkan macam-macam perkara yang mengelirukan."